



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

THE PREDESTINATION OF ALLAH

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Akhbirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Shaykh Abdullah Daghestani, Shaykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sohba, wal khayru fil jamiyya.*

Bismillahir Rahmanir Rahim

وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ

“Wama tadri nafsun bi'ayyi ardin tamut.”

“Dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah dia akan mati.” (Sura Loqman:34) Allah ﷻ tetapkan ajal seseorang dan dia Maha Mengetahui bila nyawanya akan tamat. Bila Allah ﷻ kehendaki sesuatu ia akan terjadi. Sekarang orang lumrah berkata “Macam mana dan apa sebab dia meninggal dunia.?” Ia ada lah suatu kemalangan atau musibah. Ayat Quran ternyata berfirman dengan maksud setiap Manusia atau nafs, tidak akan tahu di mana dia akan meniggal..”

Kerana semua perkara ada tempat yang di takdir oleh Allah ﷻ. Mereka harus di suatu tempat untuk di cabut nyawa. Moga Allah ﷻ merahmati kita dengan kehidupan yang baik. Kita harus bersyukur kepada Allah kita masih hidup. Marilah kita patuhi perintah Allah. Allah ﷻ memberi kita perintah yang amat baik. Dia sering berfirman dengan maksud -Jangan buat jahat, buat baik dan berbelas kasihan. Marilah kita patuhinya.

Jangan sekali kali berkata, “Perkara itu tidak akan berlaku jika dia tidak kesana.” Ucapan sebegini tidak menunjuk hormat pada takdir Allah. Sudah tentu perkara ini amat mendukacita untuk keluarganya, tetapi kita tidak harus berkata demikian. Sudah pasti, Allah menunjuk di tempat dia harus bertemu maut. Ada suatu cerita benar berkenaan ini. Ia berlaku pada zaman lampau.

Pada zaman Hazrat Nabi Sulaiman Alayhis Salam, ada seorang bersama Dia. Malaikat Azrail Alayhis Salam datang dengan menyerupai seorang manusia.. Orang yang hadir bersama Nabi Sulaiman bertanya siapakah orang yang datang itu. Dia rasa gerun dengan orang itu yang mempamirkan kemegahan. Dia rasa takut. Dia tanya Nabi



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

Sulaiman Alayhis Salam, “Siapa ke orang ini?” Dia menjawab, “Azrail Alayhis Salam.” “Apat?!” katanya sementara Azrail Alayhis Salam kelihatan hairan seraya berkata “Saya kemari untuk mencabut nyawa orang ini” Maka orang itu berkata kepada Nabi Sulaiman Alayhis Salam, “Ambilah saya jauh dari tempat ini.”

Nabi Sulaiman Alayhis Salam hantar dia ke Qudus -Jerusalem. Azrail Alayhis Salam cabut nyawa nya di sana. Nabi Sulaiman Alayhis Salam berkata kepada Azrail Alayhis Salam, “O! Anda kelihatan hairan tadi kenapa.” Dia memberi jawapan, “Saya hairan kerana saya diperintahkan ambil roh nya di Qudus bukan di sini. Saya hairan kenapa dia di sini. Dengan doa mu para jinn ambil dia dan letakdia di Qudus. Dan saya cabut nyawa nya di sana. Perintah Allah mesti di laksanakan

Maka tidak akan timbul persoalan orang ini atau itu tidak akan menemui ajal jika orang itu satu saat lambat atau satu saat cepat. Semua di takdir Allah. Jangka hayat di tangan Allah. Allah tidak akan tangguh sesaat cepat atau sesaat lambat. Ia di takdir. Moga Allah merahmati kita dengan kehidupan yang baik. Seperti kami jelaskan hayat kita amat bernilai, masa itu emas. Jangan lah kita membazir nya. Marilah kita buat kerja kerja yang Allah ﷻ dan Hazrat Rasululllah ﷺ sayang Inshallah. Moga Allah merahmati kita dengan kehidupan yang baik Inshallah.

Wa Minallah at-Tawfeeq.

Al-Fatiha.

Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil

29 March 2016/20 Jumadal Akhirah 1437

Sabah Namaz, Akbaba DargahJerusalem